NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA

(No. Sebut Harga : PPj/JK/SH(S)/0011/2026)

Tajuk Sebut Harga :

PERKHIDMATAN MENAIKTARAF, MEMBANGUN DAN MENYELENGGARA SISTEM KEHADIRAN KAKITANGAN BAGI TEMPOH 36 BULAN UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor** sahaja, dan berdaftar di bawah **kod bidang 210101 - HARDWARE (LOW END TECHNOLOGY) DAN 210103 - COMPUTER SOFTWARE, OPERATING SYSTEM, DATABASE, OFF-THE-SHELF PACKAGES INCLUDING MAINTENANCE DAN 210104 - SOFTWARE/SYSTEM DEVELOPMENT/CUSTOMIZATION AND MAINTENANCE** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.

2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **27 OKTOBER 2026 (SELASA)**, **jam 10:00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Angsana Aras 5, Blok A, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan seperti di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat MOF** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.

3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **30 OKTOBER 2026 (JUMAAT)** hingga **4 NOVEMBER 2026 (RABU)** dengan bayaran **RM10.00** secara atas talian (online) melalui laman **web https:// perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage**.

4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe,Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **11 NOVEMBER 2026 (RABU)**.

5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my

6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat https://www.ppj.gov.my, portal MyPROCUREMENT https://myprocurement.treasury.gov.my dan portal JPM https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web **https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/ landingpage**. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat bantuan.coins@ppj.gov.my.

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.